

Hubungan Pengaruh Rakan Sebaya, Estim Diri dan Locus Kawalan dengan Sikap terhadap Tingkah Laku Seksual

(Relationship between Peer Influences, Self Esteem and Locus of Control with Attitude Towards Sexual Behavior)

NOR JUMAWATON SHAHRUDDIN, MARIANI MANSOR, ZAINAL MADON & HANINA HALIMATUSAADIAH HAMSAN

ABSTRAK

Memahami faktor luaran dan faktor dalaman yang akan mempengaruhi pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual adalah sangat penting untuk diukur seterusnya membekalkan sumber maklumat untuk merangka intervensi yang bersesuaian. Kajian ini menekankan kepada perspektif perkembangan untuk memahami dan menjelaskan perkaitan pemboleh ubah bebas dengan sikap terhadap tingkah laku seksual. Kajian ini dijalankan untuk menentukan hubungan di antara pengaruh rakan sebaya, estim diri dan locus kawalan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan reka bentuk keratan rentas, sampel kajian melibatkan seramai 130 remaja perempuan yang hamil luar nikah berumur 14 hingga 19 tahun dari empat buah Institusi Perlindungan dan Pemulihan di negeri Selangor, Perak, Johor dan Kelantan terlibat dalam kajian ini. Data kuantitatif telah di kumpul dengan menggunakan borang soal selidik dan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang digunakan dalam borang soal selidik telah dikenal pasti melalui Teori Sosial Kognitif. Hipotesis kajian diuji dengan menggunakan analisis bootstrapping. Keputusan kajian mengesahkan a) pengaruh rakan sebaya mempunyai hubungan signifikan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual, b) estim diri mempunyai hubungan signifikan sikap terhadap tingkah laku seksual, c) locus kawalan mempunyai hubungan signifikan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual, d) estim diri bertindak sebagai pengantara kepada hubungan antara pengaruh rakan sebaya dan sikap terhadap tingkah laku seksual dan e) locus kawalan bertindak sebagai penyederhana kepada hubungan antara pengaruh rakan sebaya sikap terhadap tingkah laku seksual. Kajian ini mengesyorkan program kesihatan seksual dan reproduktif serta program intervensi yang bersifat pencegahan, perlindungan, pemulihan dan integrasi yang mensasarkan kepada faktor pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual yang selamat dipertingkatkan bagi remaja di Malaysia.

Kata kunci: Pengaruh rakan sebaya; estim diri; locus kawalan; sikap; tingkah laku seksual

ABSTRACT

Understanding internal and external factors that will influence the formation and cultivation of attitude towards sexual behaviour is extremely important to be measured as it provides information for appropriate intervention. This study emphasized on developmental perspective in order to understand and explain the relevance of independent variables to the attitude towards sexual behaviour. This study examined the relationship between peer influence, self-esteem and locus of control and attitude towards sexual behaviour among teenagers who were pregnant out of wedlock in Peninsular Malaysia. Based on cross-sectional design, the sample of this study consisted of 130 teenagers aged between 14 years and 19 years from 4 welfare institutions in the states of Selangor, Perak, Johor and Kelantan. Quantitative data was collected using a self administered questionnaire and variables used in the questionnaire were identified from applying the Social Cognitive Theory. Hypotheses were tested using bootstrapping analyses. Findings revealed that a) peer influence is significantly related to attitude towards sexual behavior, b) self-esteem

is significantly related to attitude towards sexual behavior; c) locus of control is significantly related to attitude towards sexual behavior; d) self-esteem mediated the relationship between peer influence and sexual attitude behavior; and e) locus of control moderated the influence of peer influence and sexual attitude behavior. This study recommends the enhancement of sexual and reproductive health programs and intervention programs that are preventive, protective, rehabilitative and integrative, targeting those factors that shape the attitude towards sexual behaviour among teenagers in Malaysia.

Keywords: Peer influence; self-esteem; locus of control; attitude; sexual behavior

PENGENALAN

Kesinambungan serta kelangsungan sesebuah negara dan bangsa adalah ditentukan oleh generasi mudanya. Sebagai aset negara, kerajaan komited melaksanakan pelbagai dasar bagi memastikan usaha ke arah penerapan nilai-nilai murni dan pembentukan sikap yang positif dapat dipupuk dalam kalangan generasi muda. Melalui Dasar Belia Malaysia 2015, kerajaan menetapkan matlamat untuk “Memperkuh dan menyerlahkan potensi modal insan belia sebagai pemacu pembangunan strategik negara pada masa hadapan berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara” (Kementerian Belia dan Sukan 2015:9). Melalui Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11), salah satu strategi yang menjadi tumpuan utama adalah bagi mempercepat pembangunan modal insan selaras untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpaksikan rakyat.

Walau bagaimanapun, isu gejala sosial yang mendapat liputan meluas di media massa seakan memberi tamparan hebat kepada pembangunan Malaysia khususnya dalam aspek pembangunan sosial. Ini mewujudkan persepsi kepada segelintir masyarakat bahawa generasi muda hanyalah liabiliti berbanding aset kepada negara (Zainal & Mohd Sharani 2004). Ini adalah kerana, beberapa faktor luaran serta dalaman remaja seperti pengaruh rakan sebaya serta daya tahan yang lemah tidak diambil kira oleh masyarakat. Menyalahkan generasi muda tanpa merawat punca permasalahan bukanlah satu tindakan yang adil. Kelemahan sedia ada perlu diatasi melalui komitmen semua pihak agar risiko penularan gejala sosial khususnya tingkah laku seksual dalam kalangan remaja di Malaysia dapat diatasi.

Pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual dipengaruhi oleh pelbagai faktor internal dan eksternal seperti pengaruh persekitaran rakan sebaya termasuklah dalam aspek populariti rakan sebaya, hubungan dengan ibu bapa, estim

diri, faktor budaya dan norma dalam sesebuah masyarakat (Miller 2014). Faktor-faktor ini akan mempengaruhi pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual seterusnya menjadikan fenomena remaja hamil luar nikah bukannya sesuatu isu yang ‘one off’, tapi sebaliknya akan berterusan dan berulang.

Kajian di Barat juga jelas membuktikan bahawa lokus kawalan diri dan estim diri adalah merupakan faktor dalaman yang mampu mempengaruhi sikap dan tingkah laku seksual remaja (Santor, Messervey & Kusumakar 2000). Rakan sebaya mempunyai pengaruh yang penting terhadap tingkah laku remaja. Tingkah laku yang negatif yang sudah berputik dalam diri remaja akan diperteguhkan lagi apabila mereka bercampur dengan rakan-rakan yang bertingkah laku seksual. Pengaruh rakan sebaya menjadi lebih kuat apabila kedua-duanya mempunyai banyak ciri-ciri kesamaan dalam pelbagai dimensi. Remaja juga berkecenderungan tinggi untuk terikut serta meniru tingkah laku rakan sebaya yang lebih popular serta dikenali dalam kalangan kelompok rakan sebaya. Peniruan tingkah laku rakan sebaya adalah untuk mendapatkan peneguhan positif serta dianggap popular seperti model sosial yang ditiru selaras untuk menyesuaikan diri dengan tingkah laku dari segi minat dan matlamat yang sama. Kajian oleh Ybarra dan Mitchell (2014) mendapati pengaruh rakan sebaya memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan tingkah laku seksual khususnya dalam penggunaan aplikasi sosial media sebagai usaha untuk meningkatkan estim diri apabila berhubung dengan rakan sebaya.

Sehubungan itu kurangnya kajian-kajian bersehubungan itu kurangnya kajian-kajian berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah ini memberi ruang kepada pengkaji untuk menyelidik isu ini dengan lebih mendalam. Oleh

yang demikian, dengan mengambil kira statistik serta fenomena remaja hamil luar nikah yang diketengahkan oleh media-media tempatan serta melalui sorotan kajian yang lepas, sehubungan itu kajian ini dijalankan terhadap remaja hamil luar nikah yang ditempatkan di institusi perlindungan dan pemulihan kerajaan di Taman Seri Puteri dan bukan kerajaan (Non-Government Organisation) di Selangor kerana mereka dikenal pasti sebagai kumpulan individu yang terlibat dengan tingkah laku seksual sehingga hamil luar nikah. Sehubungan itu, kajian yang mendalam perlu dijalankan melalui justifikasi berikut; Pertama masih tidak diketahui sehingga kini kajian tempatan yang mengkaji dengan mendalam berhubung sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Malaysia serta kajian berkenaan peranan estim diri yang bertindak sebagai pengantara (mediator) dan lokus kawalan sebagai penyederhana (moderator) antara pengaruh rakan sebaya dengan sikap terhadap tingkah laku seksual remaja hamil luar nikah yang mana kajian-kajian sebegini telah dijalankan di negara Barat (Dicine, Com & Ity 2010; Waggoner, Lanzi & Klerman 2012; Eggleston, Jackson & Hardee 2013). Kedua, melalui Teori Kognitif Sosial (Bandura 1977) diharap dapat meneroka dengan lebih mendalam dan terperinci mengenai sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah; dan ketiga dengan mengaplikasikan kaedah kajian secara kuantitatif, adalah diyakini bahawa kajian ini mampu menyumbang kepada kefahaman mengenai sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah melalui dapatan kajian yang terkini serta lebih komprehensif. Selain itu kebanyakan kajian yang dijalankan mengenai pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja khususnya di Malaysia lebih tertumpu kepada persepsi remaja terhadap sikap dan tingkah laku seksual yang mana responden kajian terdiri daripada remaja di sekolah atau pun di Universiti sahaja (Mahirah & Balan 2014). Alasan kepada kurangnya kajian yang melibatkan remaja hamil luar nikah sebagai responden kajian dalam memahami faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan dan perkembangan sikap tingkah laku seksual dilihat melalui kajian-kajian lepas. Faktor-faktor ini sangat penting dalam mengisi kekompleksan dan kekurangan yang dikenal pasti melalui dapatan-dapatan kajian lalu menyebabkan permasalahan ini diberikan tumpuan sepertimana

justifikasi di atas. Menurut Vasilenko, Lefkowitz dan Welsh (2014), responden yang berpengalaman secara seksual mempunyai sikap tingkah laku seksual yang lebih jelas berbanding remaja yang belum pernah melakukan hubungan seksual.

Kajian yang dijalankan ini diharap dapat menyumbang kepada kefahaman yang mendalam mengenai perkaitan antara pengaruh rakan sebaya, estim diri dan lokus kawalan diri dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. Kajian ini akan mengukur sejauh mana faktor estim diri bertindak sebagai pemboleh ubah pengantara dan lokus kawalan sebagai pemboleh ubah penyederhana kajian. Oleh yang demikian, dengan memahami faktor yang menyumbang kepada sikap tingkah laku seksual akan membantu pembentukan program dan intervensi pada masa hadapan seterusnya membantu membanteras fenomena remaja hamil luar nikah serta pembuangan bayi dari terus berleluasa.

ULASAN LITERATUR

PENGARUH RAKAN SEBAYA DAN SIKAP TERHADAP TINGKAH LAKU SEKSUAL

Rakan sebaya merupakan kumpulan yang paling rapat dan paling berpengaruh dalam kehidupan seseorang remaja. Pengaruh dan tekanan negatif yang diterima melalui rakan sebaya menyebabkan remaja berkecenderungan tinggi untuk terlibat ke kancah masalah sosial seperti tingkah laku seksual serta hamil luar nikah. Kenyataan seperti di atas mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Kreager et al. (2016) yang dijalankan ke atas 914 remaja lelaki dan perempuan dalam lingkungan umur 11 hingga 16 tahun, membuktikan bahawa remaja yang terlibat dengan tingkah laku seksual adalah akibat daripada pengaruh serta tekanan yang dihadapi melalui rakan sebaya. Penemuan kajian ini menunjukkan peningkatan dalam penerimaan rakan sebaya akan menyebabkan peningkatan risiko remaja untuk melakukan tingkah laku seksual. Antara implikasi penting yang disyorkan dalam kajian ini adalah pendidikan kesihatan seksual yang memberi fokus terhadap pembinaan kelompok sosial rakan sebaya yang selamat dalam membantu remaja terhindar dengan gejala sosial yang negatif.

Dalam mengkaji perkaitan antara pengaruh rakan sebaya dengan sikap terhadap tingkah laku seksual, pengkaji-pengkaji lepas cenderung untuk meneliti perkaitan secara langsung. Kajian ini menumpukan terhadap dua pemboleh ubah yang berpotensi memainkan peranan dalam menjelaskan bagaimana dan bila pengaruh rakan sebaya mempunyai perkaitan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual. Pertamanya dijangkakan estim diri bertindak sebagai pengantara dalam hubungan antara pengaruh rakan sebaya dengan sikap tingkah laku seksual. Ini membawa maksud pengaruh rakan sebaya yang tinggi menyumbang kepada pembentukan estim diri yang tinggi, dan berikutnya estim diri yang rendah meningkatkan pembentukan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah. Keduanya dijangkakan lokus kawalan diri bertindak sebagai penyederhana dalam hubungan antara tekanan rakan sebaya dan sikap tingkah laku seksual. Ini bermaksud sama ada pengaruh rakan sebaya menyumbang kepada sikap terhadap tingkah laku seksual mungkin bergantung terhadap lokus kawalan seseorang. Selain itu pengaruh rakan sebaya yang tinggi juga mempunyai hubungan yang lebih kuat dengan pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja yang memiliki lokus kawalan diri yang rendah. Berikutnya dikemukakan literatur yang menyokong peranan pengantara estim diri dan peranan penyederhana lokus kawalan.

H1 Pengaruh rakan sebaya mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual

Estim diri berkait rapat dengan pertimbangan serta tanggapan terhadap kemampuan remaja serta motivasi diri dalam mencapai sesuatu tindakan dan tujuan tertentu. Estim diri memberi kesan kepada remaja dalam membuat pilihan terhadap sesuatu tindakan sama ada merasakan diri berkemampuan atau tidak mampu untuk melakukan sesuatu tindakan. Para sarjana yang lalu membuktikan rakan sebaya mampu mempengaruhi estim diri remaja sehingga terlibat dengan tingkah laku seksual. Kajian yang dijalankan oleh Lansu, Cillessen dan Karremans (2015) ke atas 67 orang remaja perempuan menunjukkan pengaruh rakan sebaya memberi kesan kepada pengaruh sosial ke atas tingkah laku seksual remaja khususnya kepada

remaja yang mempunyai estim diri yang rendah. Berdasarkan kajian lepas, maka hipotesis berikut dibentuk:

H2 Estim diri mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual

Munculnya sikap positif terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja adalah dipengaruhi oleh faktor dalaman seperti estim diri. Estim diri merupakan salah satu aspek dalaman yang penting dalam perkembangan sikap dan tingkah laku remaja. Kajian yang dijalankan ke atas 556 orang remaja perempuan yang berusia 18 hingga 30 tahun menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara estim diri rendah dengan tingkah laku seksual. Remaja yang mempunyai estim diri rendah berkecenderungan tinggi terlibat dengan hubungan seksual kerana ingin meningkatkan penilaian pada dirinya melalui penerimaan serta kasih sayang yang diberi oleh pasangan (Steyn, Myburgh & Poggenpoel 2005).

Kajian yang dijalankan oleh Babington, Malone dan Kelley (2015) ke atas remaja berusia 15 hingga 19 tahun di Amerika Syarikat yang bertujuan untuk meneroka perkaitan antara estim diri dan tingkah laku seksual berisiko menunjukkan bahawa remaja yang mempunyai estim diri yang lebih tinggi mengalami kadar kehamilan luar nikah yang lebih rendah. Kajian ini juga menyatakan bahawa pembangunan intervensi untuk mencegah fenomena remaja hamil luar nikah perlulah memasukkan elemen estim diri sebagai peramal kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja. Kesimpulannya estim diri sama ada tinggi mahupun rendah akan mempengaruhi sikap dan tingkah laku remaja melalui dapatan-dapatan kajian terdahulu. Berdasarkan kajian lepas, maka hipotesis berikut dibentuk:

H3 Lokus kawalan mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual

Dapatan kajian lalu membuktikan bahawa pengetahuan mengenai bagaimana mengawal tingkah laku seksual adalah merupakan faktor yang paling penting untuk mencegah remaja daripada terlibat dengan tingkah laku seksual berisiko (Aomo, Aloka & Raburu 2015). Salah satu aspek

yang paling penting dalam mencegah remaja daripada terlibat dengan tingkah laku seksual adalah dengan mempunyai lokus kawalan sama ada bersifat dalaman ataupun luaran yang telah terbukti memberi kesan terhadap kesihatan seksual remaja. Kajian oleh Kalolo dan Kibusi (2015) ke atas 403 remaja yang berumur 14 hingga 19 tahun di daerah Newala, Tanzania dengan menggunakan analisis regresi logistik menunjukkan 85 peratus responden yang aktif terlibat dalam tingkah laku seksual serta mempunyai sikap yang positif terhadap penggunaan kondom adalah terdiri daripada remaja yang mempunyai lokus kawalan luaran.

PERANAN PENGANTARA ESTIM DIRI

H4 Estim diri bertindak sebagai pengantara kepada hubungan antara pengaruh rakan sebaya dan sikap tingkah laku seksual


Dapatan kajian oleh Waggoner et al. (2012) menunjukkan remaja yang mempunyai estim diri yang rendah berkecenderungan tinggi untuk terlibat dengan tingkah laku seksual akibat pengaruh rakan sebaya. Selain itu dapatan kajian oleh Lansford et al. (2014) turut membuktikan faktor pengaruh rakan sebaya akan menimbulkan perasaan dihargai dan diterima menjadikan salah satu indikator terhadap pengaruh kepada tingkah laku seksual remaja. Ini selari dengan kajian oleh Bowker et al. (2015) yang membuktikan remaja mempunyai sikap terhadap tingkah laku seksual apabila mempunyai harga diri yang tinggi serta berani mengambil risiko dalam melakukan interaksi sosial hasil daripada pengaruh yang diterima melalui rakan sebaya untuk bertingkah laku seksual.

PERANAN PENYERDEHANA LOKUS KAWALAN

H5 Lokus kawalan bertindak sebagai penyerdehana kepada hubungan antara pengaruh rakan sebaya dan sikap tingkah laku seksual.

Dapatan kajian oleh State dan State (2014) yang mengaplikasikan lokus kawalan sebagai pemboleh ubah penyederhana (moderator) dalam kajian ke atas remaja di Nigeria mendapati wujud hubungan yang signifikan antara lokus kawalan dengan tingkah laku seksual. Kajian oleh Furnham dan Cheng, (2016) ke atas remaja di China menunjukkan pengaruh rakan sebaya mempengaruhi sikap terhadap tingkah laku seksual remaja melalui penyederhanaan (moderator) lokus kawalan. Dapatan kajian oleh Meldrum, Miller dan Flexon. (2013) membuktikan pengaruh daripada rakan sebaya mempunyai perkaitan dengan sikap tingkah laku seksual sekiranya remaja mempunyai lokus kawalan luaran yang tinggi. Sehubungan itu dapatan kajian oleh Helmer, Krämer dan Mikolajczyk (2012) pula membuktikan lokus kawalan dalaman yang tinggi dalam kalangan remaja mampu mengurangkan pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual walaupun menerima pengaruh daripada rakan sebaya yang tinggi.

Perkaitan antara pengaruh rakan sebaya, estim diri, lokus kawalan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kajian ini diterangkan melalui Rajah 1. Ringkasnya, estim diri bertindak sebagai pengantara kepada hubungan antara pengaruh rakan sebaya dengan sikap terhadap tingkah laku seksual. Manakala lokus kawalan pula dihipotesiskan sebagai penyerdehana antara pengaruh rakan sebaya dengan sikap tingkah laku seksual.



RAJAH 1. Model Pengaruh Pengantara Estim Diri dan Pengaruh Penyerdehana Lokus Kawalan Dalam Hubungan antara Pengaruh Rakan Sebaya dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual

Penyelidik mengaplikasikan kerangka konseptual kajian oleh *Foundations of Health Promotion Maymester* (2016) ke dalam kajian ini. *Foundations of Health Promotion Maymester* (2016) telah membentuk kerangka kajian dengan menggunakan Teori Kognitif Sosial dalam kajiannya bertajuk *Group-based Comprehensive Risk Reduction Interventions for Adolescents (Human immunodeficiency virus (HIV), Acquired immunodeficiency syndrome (AIDS), Sexually transmitted diseases (STIs), Teen Pregnancy)* seperti Rajah 1. Pada umumnya, kerangka kerja konseptual dibina bagi mengukur perkaitan di antara pengaruh rakan sebaya, estim diri (sebagai pemboleh ubah penengah (*mediator*)) dan lokus kawalan (sebagai pemboleh ubah penyederhana (*moderator*)) dengan sikap terhadap tingkah laku seksual (sebagai pemboleh ubah bersandar). Terdapat kajian lepas membuktikan pengaruh rakan sebaya merupakan faktor risiko yang penting dalam mempengaruhi tingkah laku seksual remaja. Kajian oleh Maryam et al. (2014) membuktikan pengaruh rakan sebaya memainkan peranan yang cukup penting dalam pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual berisiko dalam kalangan remaja di luar bandar. Kajian yang lepas membuktikan estim diri yang rendah pula akan meningkatkan kecenderungan remaja untuk terlibat dengan tingkah laku seksual (Brassard et al. 2015). Kajian ini juga memasukkan pemboleh ubah penyederhana (*moderator*) lokus kawalan dalam kerangka konseptual kajian. Penemuan kajian oleh Meldrum, Miller dan Flexon (2013) menunjukkan tekanan rakan sebaya mempunyai perkaitan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual sekiranya remaja mempunyai lokus kawalan luaran yang tinggi.

METODOLOGI

SAMPEL KAJIAN

Seramai 130 orang remaja hamil luar nikah berumur 14 hingga 19 tahun terlibat dalam kajian ini. Subjek kajian dipilih dengan menggunakan prosedur pensampelan rawak berlapis kerana dipercayai kaedah pensampelan ini dapat mewakili objektif sesuatu kajian berkaitan fenomena yang dikaji serta dapat meningkatkan nilai maklumat yang dikehendaki iaitu remaja hamil luar nikah. Subjek dan penjaga telah mendatangi Borang

Penerangan dan Persetujuan Responden serta Borang Penerangan dan Persetujuan Ibu Bapa dan Penjaga/Pusat Jagaan seperti yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Etika Universiti Untuk Penyelidikan Melibatkan Manusia, Universiti Putra Malaysia pada 29 April 2015 (rujukan fail - FEM(FR15)P009). Dalam menentukan subjek kajian, pengkaji telah menggunakan jadual Krejcie dan Morgan (1970) dalam menentukan saiz sampel kajian agar bersesuaian serta mencukupi untuk mencapai objektif sesuatu kajian (Sekaran, 2000).

LOKASI KAJIAN

Kajian ini melibatkan remaja hamil luar nikah yang berada di pusat perlindungan dan pemulihan di Semenanjung Malaysia yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) melalui Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) dan Akta Pusat Jagaan Pindaan 1993. Pengkaji telah mendapat kebenaran daripada JKMM untuk melaksanakan kajian di negeri Selangor dan Perak manakala Pusat Jagaan Swasta di negeri Johor dan Kelantan telah memberi kebenaran untuk menjalankan kajian di institusi tersebut.

INSTRUMEN DAN PROSEDUR KAJIAN

Satu set borang soal selidik yang mengandungi empat bahagian digunakan untuk kajian ini iaitu 1) maklumat latar belakang responden, 2) Inventori Tekanan Rakan Sebaya, Populariti dan Pematuhan (Santor, Messervey dan Kusumakar, 2000), (kebolehpercayaan = 0.93), 3) Skala Estim Diri oleh Rosenberg (1965), (kebolehpercayaan = 0.82) dan 4) Skala Lokus Kawalan (Rotter (1966) (kebolehpercayaan = 0.82), dan 5) Skala Ringkas Sikap Seksual (Hendrick, Hendrick & Reich (2006) (kebolehpercayaan = 0.90). Kaedah terjemahan balik telah digunakan untuk menterjemahkan inventori tersebut ke dalam bahasa Melayu menggunakan kaedah yang diperkenalkan oleh Brislin (1970).

ANALISA DATA

Statisik deskriptif digunakan untuk pemerihaln latar belakang responden dan pengukuran tahap pengaruh rakan sebaya, tahap estim diri, tahap lokus kawalan dan tahap sikap terhadap tingkah laku seksual remaja hamil luar nikah. Seterusnya analisis inferensi korelasi Pearson digunakan

untuk menguji perkaitan antara empat pemboleh ubah iaitu pengaruh rakan sebaya, estim diri, lokus kawalan dan sikap terhadap tingkah laku seksual. Manakala pengujian pengantara dan penyederhana kajian mengaplikasikan analisis *bootstrapping* dengan mengaplikasikan perisian PROCESS Macro untuk SPSS (Model 1 (Hayes 2013: 78), Model 4 (Hayes 2013: 223)).

KEPUTUSAN KAJIAN

ANALISIS DESKRIPTIF

Jadual 1 menunjukkan majoriti remaja hamil luar nikah adalah berbangsa Melayu, iaitu seramai 128 orang, diikuti dengan bangsa India iaitu 1 orang, manakala lain-lain bangsa juga mewakili 1 orang. Majoriti remaja hamil luar nikah dalam kajian ini terdiri daripada remaja yang mempunyai pecahan umur antara 16 hingga 17 tahun. Majoriti remaja hamil luar nikah dalam kajian ini terdiri daripada belia yang mempunyai pecahan umur di antara 16 hingga 17 tahun. Remaja merupakan golongan yang sedang aktif melalui perkembangan seksual dengan perubahan semula jadi seks melalui perubahan biologi dalaman diri. Sehubungan itu, pada peringkat ini remaja akan berusaha meneroka, bereksperimen serta berfantasi tentang seksual.

Data menunjukkan majoriti remaja hamil luar nikah iaitu 47.5% (62 orang) responden mempunyai bilangan adik beradik seramai 4 hingga 6 orang. Rigsby, Macones, dan Driscoll (1998) menyatakan remaja yang terlibat dengan tingkah laku seksual berisiko adalah terdiri daripada remaja yang mempunyai bilangan adik beradik yang ramai. Ini adalah kerana timbul perasaan dipinggirkan oleh ibu bapa dan menyebabkan remaja mencari kasih sayang di luar.

Data menunjukkan tahap pendidikan remaja hamil luar nikah terdiri dari 16.2% (21 orang) mempunyai tahap pendidikan peringkat Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR), diikuti oleh 55.4% (72) mempunyai tahap pendidikan di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR)/Peperiksaan Tingkatan 3 (PT3), manakala 28.5% (37 orang) mempunyai tahap pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dalam aspek sejarah mengandung pula, 92.3% (120 orang) responden adalah mengandung kali pertama manakala 7.69% (10 orang) mengandung buat kali kedua.

JADUAL 1. Taburan Latar Belakang Responden

(N = 130)

Pemboleh Ubah	Kekerapan	Peratusan (%)
Bangsa		
Melayu	128	98.5
India	1	.8
Lain-lain	1	.8
Umur		
14-15	24	18.5
16-17	68	52.3
18-19	38	29.2
Bilangan Adik-beradik		
0-3	41	31.5
4-6	62	47.5
7-10	25	19.0
11 ke atas	2	2.0
Tahap Pendidikan		
UPSR	21	16.2
PMR/PT3	72	55.4
SPM	37	28.5
Sejarah Mengandung		
Pertama	120	92.3
Kedua	10	7.69

Jadual 2 menunjukkan majoriti responden menyatakan pengaruh rakan sebaya adalah di tahap tinggi iaitu sebanyak 86.2% (112 orang). Manakala 13.8% (18 orang) responden menyatakan tahap pengaruh rakan sebaya adalah sederhana. Dapatan kajian ini selari dengan Hsieh et al. (2016) yang menyatakan bahawa seseorang remaja cenderung untuk mengikut tingkah laku rakan sebaya yang mempunyai persamaan dalam aspek minat tingkah laku yang sama serta popular yang dilihat boleh memberi kesan atau mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan remaja terutamanya dalam aktiviti kehidupan seharian.

Bagi tahap estim diri, 67 orang responden (51.5%) mempunyai tahap estim diri yang tinggi, diikuti 63 orang (48.5%) mempunyai tahap estim diri yang sederhana. Kajian di Barat juga jelas membuktikan bahawa estim diri adalah merupakan faktor dalaman yang boleh mempengaruhi sikap dan tingkah laku seksual remaja.

Seterusnya bagi tahap sikap tingkah laku seksual, skor min pemboleh ubah adalah 2.90 manakala sisihan piawai pula adalah sebanyak 0.290. Keputusan kajian mendapati majoriti responden mempunyai tahap sikap tingkah laku seksual yang tinggi sebelum mengandung iaitu sebanyak 90.8% (118 orang), diikuti pula seramai 9.2% (12 orang) mempunyai tahap yang sederhana.

JADUAL 2. Tahap Tekanan Rakan Sebaya, Estim Diri, Lokus Kawalan dan Sikap terhadap Tingkah Laku Seksual

Pemboleh Ubah	Bilangan	Peratus	Purata	Sisihan Piawai
Tekanan Rakan Sebaya				
Rendah (1.00 - 2.33)	0	0	2.86	.346
Sederhana (2.34 - 3.66)	18	13.8		
Tinggi (3.67 - 5.00)	112	86.2		
Estim Diri				
Rendah (1.00 - 2.33)	0	0	2.51	.501
Sederhana (2.34 - 3.66)	63	48.5		
Tinggi (3.67 - 5.00)	67	51.5		
Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual				
Rendah (1.00 - 2.33)	0	0	2.90	.290
Sederhana (2.34 - 3.66)	12	9.2		
Tinggi (3.67 - 5.00)	118	90.8		
Lokus Kawalan				
Luaran (12 hingga 23)	83	63.8	1.36	.482
Dalaman (1 hingga 11)	47	36.2		

Bagi lokus kawalan diri pula, dapatan kajian menunjukkan majoriti remaja hamil luar nikah mempunyai lokus kawalan luaran yang tinggi iaitu seramai 83 orang (63.8%). Diikuti seramai 47 orang (36.2%) mempunyai lokus kawalan dalaman yang tinggi. Dapatan kajian ini membuktikan pengaruh timbal balik menerusi pengaruh rakan sebaya akan menyebabkan majoriti responden bertendensi tinggi untuk terlibat dengan tingkah laku hamil luar nikah.

Analisis Inferensi Jadual 3 menunjukkan min, sisihan piawai dan korelasi di antara pemboleh ubah kajian. Dapatan kajian membuktikan pengaruh rakan sebaya mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual ($r = .746$, $p < .001$), estim diri mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap tingkah laku seksual ($r = .708$, $p < .001$). (Lokus kawalan mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap tingkah laku seksual ($r = .387$, $p < .001$).

Pengaruh rakan sebaya merupakan pendorong utama terhadap pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual dan dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Wang et al. (2015), yang membuktikan pengaruh rakan sebaya merupakan peramal utama terhadap tingkah laku seksual. Keadaan ini dapat dijelaskan berdasarkan

kepada faktor tekanan yang diberikan oleh rakan sebaya contohnya keterlibatan remaja dengan tingkah laku seksual akibat dicabar dan dipaksa oleh rakan-rakan (Wang et al. 2016).

Kajian Lansu, Cillessen dan Karremans (2015) membuktikan pengaruh rakan sebaya memberi kesan kepada pengaruh sosial ke atas tingkah laku seksual remaja khususnya kepada remaja yang mempunyai estim diri yang rendah. Sehubungan itu sumbangan kajian ini membuktikan bahawa estim diri remaja mampu mempengaruhi sikap tingkah laku seksual.

Kajian lalu juga membuktikan remaja yang memiliki estim diri yang tinggi cenderung untuk terlibat dengan tingkah laku seksual kerana remaja berkecenderungan tinggi untuk mempunyai keberanian serta ingin meningkatkan penilaian diri melalui penerimaan serta kasih sayang yang diberi oleh pasangan (Brassard et al. 2015). Oleh itu, berdasarkan hasil kajian, hipotesis ketiga (H3) gagal ditolak.

JADUAL 3. Nilai Korelasi

Pemboleh ubah	r
Pengaruh Rakan Sebaya	.746**
Estim Diri	.708**
Lokus Kawalan	.387**


Nota: ** $p < .001$; * $p < .05$

Analisis Pengantara dan Penyerdehana

Menurut Kenny (2014), ujian pengantara (mediator) dan ujian penyerdehana (moderator) boleh dilakukan dengan membuat anggaran koefisien yang berasingan melalui tiga persamaan regresi. Pertama, dengan meregresikan pemboleh ubah bebas terhadap variabel bersandar (\hat{c}). Kedua, dengan meregresikan pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah pengantara/penyerdehana (a). Ketiga, dengan meregresikan pemboleh ubah pengantara dengan penyederhana terhadap pemboleh ubah bersandar (b).

Analisis *bootstrapping* ke atas produk ab^* dilakukan melalui perisian PROCESS Macro untuk SPSS versi 2.16. (Model 4: Hayes 2013). Dengan menjana sampel sebanyak 10 000, bukti kehadiran pengantara/ penyerdehana ditunjukkan melalui nilai 95% *bias-corrected bootstrap confident interval* (CI) iaitu pengaruh tidak langsung (produk a^*b) dikatakan signifikan apabila nilai antara *Lower Limit* CI (LLCI) dan *Upper Limit* CI (ULCI)

tidak mengandungi nilai kosong. Koefisien laluan bagi pengaruh rakan sebaya dengan estim diri jelas menunjukkan hubungan adalah signifikan ($\beta = .35$, $SE = .076$, $p < 0.05$). Manakala koefisien laluan bagi estim diri dengan sikap tingkah laku seksual juga signifikan ($\beta = .97$, $SE = .918$, $p < 0.05$). Koefisien laluan bagi pengaruh rakan sebaya dengan sikap tingkah laku seksual adalah signifikan ($\beta = 1.38$, $SE = .085$, $p < 0.05$). Oleh itu, berdasarkan hasil kajian, hipotesis keempat (H4) gagal ditolak. Keputusan analisis *bootstrapping* mendapati pengaruh tidak langsung pengaruh rakan sebaya ke atas sikap tingkah laku seksual melalui pengantara estim diri adalah signifikan (*estimate* = .337; LLCI = .192; ULCI = .520). Dapatan kajian ini mencadangkan estim diri merupakan pengantara dalam hubungan antara pengaruh rakan sebaya dengan sikap tingkah laku seksual. Model pengaruh tidak langsung pengaruh rakan sebaya ke atas sikap tingkah laku seksual diringkaskan dalam Rajah 2.




RAJAH 2. Pengaruh Pengantara Estim Diri ke Atas Pengaruh Rakan Sebaya dan Sikap Tingkah Laku Seksual

Nota : * $p < .05$; ** $p < .01$; 95% *bias-corrected bootstrap* CI (*estimate* = .337; $SE = .083$; [LLCI = .192; ULCI = .520]); nilai dalam kurungan = *unstandardized coefficients*

Dapatan kajian ini selari dengan kajian lalu yang membuktikan pengaruh rakan sebaya berupaya meningkatkan estim diri remaja serta menimbulkan perasaan dihargai dan diterima oleh kelompok rakan sebaya serta menjadikan salah satu indikator terhadap pengaruh kepada tingkah laku seksual. Kajian menunjukkan faktor risiko seperti penerimaan oleh kelompok rakan sebaya mempunyai kesan langsung yang signifikan terhadap tingkah laku seksual. Kajian juga menunjukkan bahawa apabila remaja menerima tekanan dan ajakan daripada kelompok rakan sebaya akhirnya akan meningkatkan tingkah laku

seksual berisiko apabila tingkah laku tersebut telah sebatikan dalam diri. Sehubungan itu salah satu sumbangan kajian ini adalah dapat membuktikan bahawa estim diri berperanan sebagai pengantara dengan sikap tingkah laku seksual. Dapatan kajian juga membuktikan pengaruh rakan sebaya merupakan faktor risiko bagi remaja dalam mempengaruhi sikap tingkah laku seksual. Pada alaf ini membuktikan remaja terlalu mudah dipengaruhi oleh pengaruh rakan sebaya melalui aspek populariti serta tekanan daripada rakan sebaya adalah bermatlamatkan untuk mendapatkan status sosial yang sama dengan kelompok rakan sebaya yang dipilih.



RAJAH 3. Pengaruh Penyerdehana Lokus Kawalan Diri atas Pengaruh Rakan Sebaya dan Sikap Tingkah Laku Seksual


Nota : * $p < .05$; ** $p < .01$; 95% *bias-corrected bootstrap CI* (*estimate* = .013; *SE* = .0223; [*LLCI* = .013; *ULCI* = .083]); nilai dalam kurungan = *unstandardized coefficients*

Seterusnya bagi menguji analisis pengantara, pengkaji menggunakan analisis *bootstrapping* ke atas produk ab^* melalui perisian PROCESS for SPSS (Model 1, Hayes 2013: 78 dan Model 4, Hayes 2013: 223). Dengan menjana sampel sebanyak 10 000, bukti kehadiran pengantara ditunjukkan melalui nilai 95% *bias-corrected bootstrap confidence interval* (CI) iaitu pengaruh tidak langsung (produk $a*b$) dikatakan signifikan apabila nilai antara *Lower Limit CI* (LLCI) dan *Upper Limit CI* (ULCI) tidak mengandungi nilai kosong. Model pengaruh tidak langsung pengaruh rakan sebaya ke atas sikap tingkah laku seksual diringkaskan dalam Rajah 3.

Koefisien laluan bagi pengaruh rakan sebaya dengan lokus kawalan diri jelas menunjukkan hubungan adalah signifikan ($\beta = .09$, $SE = .054$, $p < 0.05$). Manakala koefisien laluan bagi lokus kawalan diri dengan sikap tingkah laku seksual juga signifikan ($\beta = .14$, $SE = .177$, $p < 0.05$). Koefisien laluan bagi pengaruh rakan sebaya dengan sikap tingkah laku seksual adalah signifikan ($\beta = 1.38$, $SE = .085$, $p < 0.05$). Oleh itu, berdasarkan hasil kajian, ini hipotesis kelima (H_5) gagal ditolak. Keputusan analisis *bootstrapping* mendapati pengaruh tidak langsung pengaruh rakan sebaya ke atas sikap tingkah laku seksual melalui penyerdehana lokus kawalan adalah signifikan (*estimate* = .013; *LLCI* = .013; *ULCI* = .083). Dapatan kajian ini mencadangkan lokus kawalan merupakan penyerdehana dalam hubungan antara pengaruh rakan sebaya dengan sikap terhadap tingkah laku seksual.

Analisis menunjukkan pengaruh rakan sebaya dan lokus kawalan berinteraksi dalam menyumbang kepada sikap tingkah laku seksual ($R^2 = .56$). Walaupun kesan interaksi yang ditunjukkan sederhana, tetapi memadai untuk menjustifikasikan

kesan interaksi (Witt et al. 2002). Peningkatan varians yang sederhana tidak bermakna dapatan kajian tidak penting untuk diinterpretasikan. Bagi mendapatkan gambaran yang jelas mengenai kesan interaksi, seterusnya diplotkan perhubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar berdasarkan tahap penyerdehana (Dawson 2015). Rajah 4 menunjukkan hasil plot perhubungan di antara pengaruh rakan sebaya dan sikap tingkah laku seksual berdasarkan tahap lokus kawalan diri. Berdasarkan Rajah 4 dapat dirumuskan bahawa pengaruh rakan sebaya lebih kuat mempengaruhi sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja yang mempunyai lokus kawalan luaran berbanding remaja yang mempunyai lokus kawalan dalaman yang tinggi. Dengan kata lain, remaja yang mempunyai lokus kawalan dalaman yang tinggi dapat menepis pengaruh rakan sebaya dalam mempengaruhi sikap tingkah laku seksual.



RAJAH 4. Kesan Interaksi Pengaruh Rakan Sebaya dan Lokus Kawalan

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, objektif kajian ini adalah mengkaji pengaruh rakan sebaya, estim diri dan lokus kawalan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual. Selain itu kajian ini juga mengukur peranan estim diri dan lokus kawalan sebagai pengantara dan penyerdehana kajian. Secara keseluruhannya kelima-lima objektif kajian telah disokong.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian oleh Kreager et al. (2016) yang mendapati bahawa remaja yang terlibat dengan tingkah laku seksual adalah dipengaruhi oleh rakan sebaya. Penemuan kajian ini menunjukkan peningkatan dalam penerimaan rakan sebaya akan menyebabkan peningkatan risiko remaja untuk melakukan tingkah laku seksual. Kajian di Barat oleh Babington, Malone dan Kelley (2015) ke atas remaja berusia 15 hingga 19 tahun di Amerika dalam meneroka perkaitan antara estim diri dan tingkah laku seksual berisiko menunjukkan bahawa remaja yang mempunyai estim diri yang lebih tinggi mengalami kadar kehamilan luar nikah yang lebih rendah. Manakala kajian oleh McDermott (2012) ke atas remaja di Miami, Florida dengan mengaplikasikan pendekatan regresi pelbagai dan ANOVA menunjukkan estim diri yang rendah memberi implikasi terhadap tingkah laku seksual berisiko remaja. Selain itu dapatan kajian ini turut selari dengan dapatan kajian oleh Kalolo dan Kibusi (2015) ke atas 403 remaja yang berumur 14 hingga 19 tahun di daerah Newala, Tanzania dengan menggunakan analisis regresi logistik menunjukkan 85 peratus responden yang aktif terlibat dalam tingkah laku seksual serta mempunyai sikap yang positif terhadap penggunaan kondom adalah terdiri daripada remaja yang mempunyai lokus kawalan dalaman yang tinggi.

Manakala bagi objektif kajian yang keempat pula adalah selari dengan kajian oleh Waggoner, Lanzi dan Klerman (2012) dan kajian oleh Eggleston et al. (2013) yang menunjukkan remaja yang mempunyai estim diri yang rendah berkecenderungan tinggi untuk terlibat dengan tingkah laku seksual akibat tekanan rakan sebaya. Kajian oleh Lansford et al. (2014) turut membuktikan pengaruh rakan sebaya akan menimbulkan perasaan dihargai dan diterima menjadikan salah satu indikator terhadap pengaruh kepada tingkah laku seksual remaja. Ini selari dengan kajian oleh Bowker et al. (2015) yang membuktikan remaja cenderung untuk terlibat dengan tingkah laku seksual apabila

mempunyai harga diri yang rendah, memiliki sikap pasif, pesimis, rendah diri (*inferior*), pemalu dan kurang berani dalam melakukan interaksi sosial. Manakala bagi objektif kajian yang kelima adalah selari dengan kajian oleh Helmer, Krämer, dan Mikolajczyk (2012) yang mendapati lokus kawalan dalam kalangan remaja mampu mengurangkan pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual walaupun menerima pengaruh daripada rakan sebaya yang tinggi. Sehubungan itu, dapatan kajian ini dilihat juga selari dengan kajian oleh Meldrum, Miller, dan Flexon (2013) di mana pengaruh daripada rakan sebaya mempunyai perkaitan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual sekiranya remaja mempunyai lokus kawalan luaran yang tinggi.

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasi Teori Kognitif Sosial (Bandura 1977) dalam menjelaskan perkembangan dan pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual. Sehubungan itu, kajian ini memberikan maklumat yang terperinci berkenaan etiologi dan perkembangan sikap terhadap tingkah laku seksual, faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi proses pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. Sehubungan itu hasil yang diperoleh dapat membantu pemberi perkhidmatan khususnya Pegawai Psikologi untuk memberi fokus kepada faktor ini dalam program-program pencegahan, perkembangan dan pemulihan tingkah laku seksual berisiko. Panduan-panduan yang diberikan boleh dimanfaatkan serta dapat meningkatkan kemahiran pengetahuan, kemahiran teknikal dan kemahiran interpersonal dalam penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan. Justeru, kajian ini memberi input langsung kepada dasar negara seterusnya menyumbang terhadap korpus ilmu serta advokasi sosial bagi penggubalan dasar negara demi kesejahteraan masyarakat khususnya kelompok remaja (Azlina 2010).

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan kesemua objektif kajian yang telah digariskan telah dicapai. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual dipengaruhi oleh

berbagai-bagai faktor berisiko dalam konteks sosial remaja yaitu pengaruh daripada rakan sebaya serta faktor diri sendiri. Secara keseluruhannya kajian ini diyakini dapat menyumbang kepada kefahaman mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan sikap terhadap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah. Melalui dapatan kajian yang terkini serta lebih komprehensif, kajian ini diharap dapat memberi idea kepada pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan dalam membentuk program dan strategi dalam membantu remaja membentuk sikap dan tingkah laku yang lebih selamat dengan lebih awal khususnya di sekolah-sekolah. Keutuhan elemen ini diharapkan dapat menjadi benteng pertahanan kepada remaja daripada terjerumus dengan tingkah laku seksual serta fenomena hamil luar nikah serta pembuangan bayi pada masa hadapan.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan terima kasih kepada agensi-agensi yang terlibat yang telah membantu dalam menjayakan penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Aomo, J. A., Aloka, P. J., & Raburu, P. 2015. The relationship between locus of control and indulgence in behaviour problems among Kenyan students. *International Journal of Psychology and Behavioral Sciences* 5(6): 201-204.
- Azlina Abdullah. 2010. Tema dan isu penyelidikan mengenai gejala sosial pada dekad pertama abad 21 di Malaysia. *Akademika* 78(1): 3-14.
- Babington, L. M., Malone, L., & Kelley, B. R. 2015. Perceived social support, self esteem, and pregnancy status among Dominican adolescents. *Applied Nursing Research* 28(2): 121-126.
- Bandura, A. 1997. *Self-efficacy: The exercise of control*. New York: W. H. Freeman
- Bowker, J. C., Adams, R. E., Bowker, M. H., Fisher, C., & Spencer, S. V. (2015). Same-and other-sex popularity and preference during early adolescence. *The Journal of Early Adolescence*. 40(1): 1-19.
- Brassard, A., Dupuy, E., Bergeron, S., & Shaver, P. R. 2015. Attachment insecurities and women's sexual function and satisfaction: The mediating roles of sexual self-esteem, sexual anxiety, and sexual assertiveness. *The Journal of Sex Research* 52(1): 110-119.
- Brislin, R. W. 1970. Back-translation for cross-cultural research. *Journal of Cross-Cultural Psychology* 1(3): 185-216.
- Dawson, J. 2015. Interpreting interaction effects. <http://www.jeremydawson.co.uk>. Retrieved on: 30 March 2016.
- Dicine, M. E., Com, & Ity, 2010. Predictors of sexual intercourse and rapid-repeat pregnancy among teenage mothers: an Australian prospective longitudinal study. *Med J Aust* 193(6): 143-156.
- Eggleston, E., Jackson, J., & Hardee, K. (1999). Sexual attitudes and behavior among young adolescents in Jamaica. *International Family Planning Perspectives* 25(2): 78-91.
- Foundations of Health Promotion Maymester 2016. *Group-based Comprehensive Risk Reduction Interventions for Adolescents (HIV/AIDS, STIs, Teen Pregnancy)*: Foundations of Health Promotion Maymester.
- Furnham, A., & Cheng, H. (2016). Childhood intelligence, self-esteem, early trait neuroticism and behaviour adjustment as predictors of locus of control in teenagers. *Personality and Individual Differences*, 95(1):178-182.
- Hayes, A.F. 2013. *Introduction to Mediation, Moderation, and Conditional Process Analysis: A Regression-Based Approach*. New York: The Guilford Press.
- Helmer, S. M., Krämer, A., & Mikolajczyk, R. T. (2012). Health-related locus of control and health behaviour among university students in North Rhine Westphalia, Germany. *BMC Research Notes* 5(1): 1-8.
- Hendrick, C., Hendrick, S. S., & Reich, D. A. 2006. The brief sexual attitudes scale. *Journal of Sex Research* 43(1): 76-86.
- Hsieh, H. F., Zimmerman, M. A., Bauermeister, J. A., Caldwell, C. H., Xue, Y., Wang, Z., & Hou, Y. 2016. Cumulative risks and promotive factors for Chinese adolescent problem behaviors. *Journal of Applied Developmental Psychology* 43(1): 71-82.
- Kalolo, A., & Kibusi, S. M. 2015. The influence of perceived behaviour control, attitude and empowerment on reported condom use and intention to use condoms among adolescents in rural Tanzania. *Reproductive Health* 12(1): 105-110.

- Kementerian Belia & Sukan 2015. *Dasar Belia Malaysia 2015*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- enny, D. A. 2014. Measuring model fit. <http://davidakenny.net/cm/fit.htm> Retrieved on: 18 April 2016.
- Kreager, D. A., Staff, J., Gauthier, R., Lefkowitz, E. S., & Feinberg, M. E. 2016. The double standard at sexual debut: gender, sexual behavior and adolescent peer acceptance. *Sex Roles* 30(3): 1-16.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement* 30(3): 607-610.
- Lansford, J. E., Dodge, K. A., Fontaine, R. G., Bates, J. E., & Pettit, G. S. 2014. Peer rejection, affiliation with deviant peers, delinquency, and risky sexual behavior. *Journal of Youth and Adolescence* 43(10): 1742-1751.
- Lansu, T. A., Cillessen, A. H., & Karremans, J. C. (2015). The effects of social status and self-esteem on imitation and choice of a popular peer. *Journal of Relationships Research* 6(14): 14-20.
- Maryam Ahmadian, Hanina H. Hamsan, Haslinda Abdullah, Asnarulkhadi Abu Samah & Amna Md Noor 2014. Risky sexual behavior among rural female adolescents in malaysia: a limited role of protective factors. *Global Journal of Health Science* 6(3): 165-174.
- Mahirah Masdin & Balan Rathakrishnan. 2014. Hubungan di antara sikap ke atas seksual, norma subjektif ibu bapa dan efikasi sendiri dengan tingkah laku menjaga kehormatan seksual dalam kalangan remaja perempuan. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014, anjuran Institut Integriti Malaysia, 11 Disember, Kuala Lumpur.
- McDermott, Beverley E. 2012. Promoting positive development: family processes and risk behavior among adolescents. *FIU Electronic Theses and Dissertations*.
- Idrum, R. C., Miller, H. V., & Flexon, J. L. 2013. Susceptibility to peer influence, self-control, and delinquency. *Sociological Inquiry* 83(1): 106-129.
- Miller, R. 2014. *Intimate relationships*. London: McGraw-Hill Higher Education.
- Rigsby, D. C., Macones, G. a., & Driscoll, D. A. 1998. Risk Factors for Rapid Repeat Pregnancy Among Adolescent Mothers: A Review of the Literature. *Journal of Pediatric and Adolescent Gynecology* 11(3): 115-126.
- Rosenberg, M. 1965. *The adolescent self-image*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Rotter, J. B. 1966. Generalized expectancies for internal versus external control of reinforcement. *Psychological Monographs: General and Applied* 80(1): 1-28.
- Santor, D. A., Messervey, D., & Kusumakar, V. 2000. Measuring peer pressure, popularity, and conformity in adolescent boys and girls: Predicting school performance, sexual attitudes, and substance abuse. *Journal of Youth and Adolescence* 29(2): 163-182.
- Sekaran, U. 2003. *Research methods for business: A skill building approach*. Fourth Edition. New York: John Wiley and Sons Inc.
- State, O., & State, O. 2014. Psychological wellbeing, perceived emotional intelligence and locus of control predicting adolescents sexual health risk behaviour : lesson from Nigeria. *Journal of Humanities and Social Sciences* 19(1): 12-18.
- Steyn, H., Myburgh, C. P., & Poggenpoel, M. (2005). Male adolescents' view on sexual activity as basis for the development of aids-prevention programmes. *Education*, 125(4), 584-602.
- Vasilenko, S. A., Lefkowitz, E. S., & Welsh, D. P. 2014. Is sexual behavior healthy for adolescents? A conceptual framework for research on adolescent sexual behavior and physical, mental, and social health. *New Directions for Child and Adolescent Development* 14(14): 3-19.
- Wang, B., Deveaux, L., Lunn, S., Dinaj-Koci, V., Li, X., & Stanton, B. 2016. The influence of sensation-seeking and parental and peer influences in early adolescence on risk involvement through middle adolescence a Structural Equation Modeling analysis. *Youth & Society* 48(2): 220-241.
- Wang, B., Stanton, B., Deveaux, L., Li, X., & Lunn, S. 2015. Dynamic relationships between parental monitoring, peer risk involvement and sexual risk behavior among Bahamian mid-adolescents. *International Perspectives on Sexual and Reproductive Health* 41(2): 89-96.
- Waggoner, M. R., Lanzi, R. G., & Klerman, L. V. 2012. Pregnancy intentions, long-acting contraceptive use, and rapid subsequent

pregnancies among adolescent and adult first-time mothers. *Journal of Child and Adolescent Psychiatric Nursing* 25(2): 96-104.

Witt, L. A., Kacmar, K. M., Carlson, D. S., & Zivnuska, S. 2002. Interactive effects of personality and organizational politics on contextual performance. *Journal of Organizational Behavior* 23(8): 911-926.

Ybarra, M. L., & Mitchell, K. J. 2014. "Sexting" and its relation to sexual activity and sexual risk behavior in a national survey of adolescents. *Journal of Adolescent Health* 55(6): 757-764.

Zainal Madon & Mohd Sharani Ahmad. 2004. *Panduan mengurus remaja moden*. (Bentong) Pahang: PTS Publications and Distributors.

Nor Jumawaton Shahrudin (corresponding author)
Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang
Selangor
Malaysia
E-mail: norjumawaton@kln.gov.my

Mariani Mansor
Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang
Selangor
Malaysia
E-mail: mariani@putra.upm.edu.my

Zainal Madon
Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra
43400 Serdang
Selangor
Malaysia
E-mail: zainalm@putra.upm.edu.my

Hanina Halimatusaadiah Hamsan
Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang
Selangor
Malaysia
E-mail: hanina@putra.upm.edu.my

Received: 22 March 2017

Accepted: 31 May 2018